

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

HLT 404 Persepsi Seni

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi ENAM (6) soalan dalam DUA (2) muka surat

Jawab TIGA (3) soalan. SOALAN NO. 1 daripada Bahagian A WAJIB dijawab dan SATU (1) soalan daripada setiap Bahagian B dan C.

BAHAGIAN A - Soalan ini WAJIB dijawab

1. 8 slaid-slaid yang disusun menjadi 4 pasangan. Setiap pasangan ditayangkan selama 15 minit.

Banding dan kontraskan slide-slide yang ditunjukkan ini, dari segi maksud, isi, olahan bahan dan cara persembahan.

(50 markah)

BAHAGIAN B - Pilih SATU (1) soalan

2. Deria persepsi pemerhati itu mengatur berbagai maklumat seperti bentuk, struktur, imbalan, komposisi, warna, garis, jalinan dan tema yang terdapat pada karya seni sehingga dia memperolehi kepuasan estetika. Huraikan apakah yang dimaksudkan dengan kepuasan estetika, berdasarkan karya-karya yang pernah kita kaji sepanjang semester.

(25 markah)

3. Di dalam buku Seni dan Seniman, pengarangnya telah menulis di dalam sebuah bab bahawa apresiasi atau penghargaan seni adalah suatu "latihan yang memerlukan penglibatan sepenuhnya deria pandang dan sentuh." Dia menyudahkan eseinya itu dengan menganjurkan bahawa "setiap pemerhati seni, harus digalakkan menjadi pengkritik yang senyap-senyap pada mulanya dan pengkritik yang aktif sesudah itu." Huraikan

(25 markah)

BAHAGIAN C - Pilih SATU (1) soalan

4. Nathan Knobler, di dalam buku Dialog Seni Tampak, menulis bahawa "seni catan boleh difahami sebagai satu peraturan bentuk-bentuk berwarna yang bersifat dua dimensi yang mendatar" (hlm. 135). Sedangkan alam semulajadi yang dirakam oleh catan tidak mendatar. Huraikan peranan seniman yang ingin melukis pengalamannya supaya setimpal dengan alam semulajadi. (25 markah)

5. Nathan Knobler menulis bahawa "Seni araca adalah susunan jisim sebenar yang teratur yang wujud di dalam ruang yang nyata" (hlm. 198). Huraikan kenyataan ini dan kemudian berikan contoh-contoh yang pernah kamu kaji. (25 markah)

6. Nathan Knobler menulis bahawa "Peraturan estetik seni bina selalunya berdasarkan prinsip kesatuan dan keanikaan yang terdapat dalam seni catan dan seni arca" (hlm. 259). Huraikan kenyataan ini dengan memberi contoh bangunan demi memperkuatkan hujah-hujah kamu. (25 markah)

-ooooOOOooo-